

**D.R. 9/2013**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2013.

**Seksyen baru 52A dan 52B**

2. Kanun Keseksaan [*Akta 574*], yang disebut “Kanun” dalam Akta ini, dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 52 seksyen yang berikut:

‘ **“Non-serious offence”**

**52A.** The words “non-serious offence” denote an offence punishable with imprisonment for a term of not more than ten years.

**“Serious offence”**

**52B.** The words “serious offence” denote an offence punishable with imprisonment for a term of ten years or more.’.

**Seksyen baru 75A**

3. Kanun dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 75 seksyen yang berikut:

**“Punishment of mandatory imprisonment for persons convicted of multiple serious offences**

**75A.** Whoever, having been convicted at least two times of a serious offence and was punished with at least two years of imprisonment for each of those convictions, shall be punished with mandatory imprisonment for the third and subsequent offences and the term of imprisonment shall not be less than double the term of the longer term of imprisonment imposed for the previous convictions.”.

**Pindaan seksyen 107**

4. Kanun dipinda dalam seksyen 107 dengan memasukkan selepas Huraian 2 huraian dan misalan yang berikut:

*“Explanation 3 - Whoever masterminds the doing of an act is said to command the doing of that act.*

*ILLUSTRATION*

A, the head of an organized criminal group B, masterminds C and D to kidnap E. A is guilty of abetment.”.

**Seksyen baru 121E**

5. Kanun dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 121D seksyen yang berikut:

**“Destruction, etc. of national emblem**

**121E.** (1) Whoever mutilates, defaces, physically defiles, burns, maintains on the floor or ground, tramples on, desecrates, destroys, insults or questions with the intention of dishonouring any national emblem or flag of a foreign nation shall be punished with imprisonment for a term of not less than five years and not more than fifteen years, and shall also be liable to fine.

(2) Whoever uses, recognizes or promotes the use of any flag that purports to represent Malaysia other than the flag specified as the Malaysian flag under the Schedule to the Emblems and Names (Prevention of Improper Use) Act 1963 [Act 414], or any State in Malaysia other than the flag provided for under the relevant legislation of each State, shall be punished with imprisonment for a term of not less than five years and not more than fifteen years, and shall also be liable to fine.

(3) For the purpose of this section, “national emblem” has the meaning assigned under the National Emblems (Control of Display) Act 1949 [Act 193].”.

### **Seksyen baru 130QA**

6. Kanun dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 130Q seksyen yang berikut:

#### **“Accepting gratification to facilitate or enable terrorist acts**

**130QA.** Whoever accepts gratification to facilitate or enable the commission of any terrorist act shall be punished—

(a) if the act results in death, with death; and

(b) in any other case, with imprisonment for a term of not less than seven years but not exceeding thirty years, and shall also be liable to fine.”.

### **Pindaan seksyen 130U**

7. Kanun dipinda dalam seksyen 130U dengan memotong takrif “serious offence”.

### **Pindaan seksyen 130v**

8. Kanun dipinda dalam seksyen 130v—

(a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1);

(b) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “which may extend to five years” dengan perkataan “of not less than five years and not more than twenty years”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) Until the contrary is proved, a person shall be presumed to be a member of an organized criminal group where—

(a) such person can be identified as belonging to an organized criminal group; or

(b) such person is found with a scheduled weapon as specified under the Corrosive and Explosive Substances and Offensive Weapons Act 1958 [Act 357].”.

### **Seksyen baru 130x, 130y, 130z, 130ZA, 130ZB dan 130ZC**

9. Kanun dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 130w seksyen yang berikut:

#### **“Harbouring member of an organized criminal group**

**130x.** Whoever harbours, or prevents, hinders or interferes with the arrest of a member of an organized criminal group shall be punished with imprisonment for a term which may extend to five years, and shall also be liable to fine.

#### **Consorting with an organized criminal group**

**130y.** Whoever without reasonable excuse, consorts with a member of an organized criminal group shall be punished with imprisonment for a term of not less than five years and not more than twenty years, and shall also be liable to fine.

#### **Recruiting persons to be members of an organized criminal group**

**130z.** Whoever knowingly recruits, or agrees to recruit, another person to be a member of an organized criminal group shall be punished with imprisonment for a term which may extend to ten years, and shall also be liable to fine.

**Participation in an organized criminal group**

**130ZA.** Whoever participates in an organized criminal group—

- (a) knowing or having reason to believe that it is an organized criminal group; and
- (b) knowing, or having reason to believe that, or being reckless as to whether, his participation in that group contributes to the occurrence of any criminal activity,

shall be punished with imprisonment for a term which may extend to ten years, and shall also be liable to fine.

**Accepting gratification to facilitate or enable organized criminal activity**

**130ZB.** Whoever accepts gratification to facilitate or enable any organized criminal activity shall be punished—

- (a) if the act results in death, with death; and
- (b) in any other case, with imprisonment for a term of not less than seven years but not exceeding thirty years, and shall also be liable to fine.

**Enhanced penalties for offences committed by an organized criminal group or member of an organized criminal group**

**130zc.** (1) Any organized criminal group or a member of an organized criminal group convicted of any serious offence under this Code or under any written law shall be punished with imprisonment for a term of twice as long as the maximum term for which he would have been liable on conviction for that offence, and shall also be liable to whipping.

(2) Any organized criminal group or a member of an organized criminal group convicted of any non-serious offence under this Code or under any written law shall be punished with imprisonment for a term of not less than two years and not more than twice as long as the maximum term for which he would have been liable on conviction for that offence, and shall also be liable to whipping.”.

**Pindaan seksyen 176**

10. Kanun dipinda dalam seksyen 176 dengan memasukkan selepas perkataan “may extend to two thousand ringgit or with both” perkataan “and in relation to offences under Chapter VI B, with imprisonment for a term which may extend to seven years, or with fine, or with both”.

**Seksyen baru 203A**

11. Kanun dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 203 seksyen yang berikut:

**“Disclosure of information**

**203A.** (1) Whoever discloses any information or matter which has been obtained by him in the performance of his duties or the exercise of his functions under any written law shall be punished with fine of not more than one million ringgit, or with imprisonment for a term which may extend to one year, or with both.

(2) Whoever has any information or matter which to his knowledge has been disclosed in contravention of subsection (1) who discloses that information or matter to any other person shall be punished with fine of not more than one million ringgit, or with imprisonment for a term which may extend to one year, or with both.”.

**Pindaan seksyen 223**

12. Kanun dipinda dalam seksyen 223—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “servant” perkataan “and facilitating or enabling any terrorist act, *etc.*”;
- (b) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1); dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) Whoever commits an offence under subsection (1) to facilitate or enable any terrorist act or organized criminal activity shall be punished with imprisonment for a term of twice as long as the maximum term for which he would have been liable on conviction for that offence, and shall also be liable to whipping.”.

### **Pindaan seksyen 320**

13. Kanun dipinda dalam perenggan 320(*h*), dengan menggantikan perkataan “twenty days” dengan perkataan “ten days”.

### **Pindaan seksyen 322**

14. Kanun dipinda dalam seksyen 322 dalam misalan, dengan menggantikan perkataan “twenty days” dengan perkataan “ten days”.

### **Pindaan seksyen 324**

15. Kanun dipinda dalam seksyen 324—

(a) dengan memasukkan selepas perkataan “cause death,” perkataan “or any scheduled weapon as specified under the Corrosive and Explosive Substances and Offensive Weapons Act 1958,”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “three years” dengan perkataan “ten years”.

### **Pindaan seksyen 326**

16. Kanun dipinda dalam seksyen 326 dengan memasukkan selepas perkataan “cause death,” perkataan “or any scheduled weapon as specified under the Corrosive and Explosive Substances and Offensive Weapons Act 1958,”.

**Seksyen baru 326A**

17. Kanun dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 326 seksyen yang berikut:

**“Punishment for causing hurt by spouse**

**326A.** Whoever, during the subsistence of a valid marriage, causes hurt to his spouse and commits an offence under section 323, 324, 325, 326, 334 or 335 shall be punished with imprisonment for a term of twice as long as the maximum term for which he would have been liable on conviction for that offence under the relevant section.”.

**Seksyen baru 352A**

18. Kanun dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 352 seksyen yang berikut:

**“Punishment for using criminal force by spouse**

**352A.** Whoever, during the subsistence of a valid marriage, assaults or uses criminal force on his spouse shall be punished with imprisonment for a term which may extend to six months, or with fine which may extend to two thousand ringgit, or with both.”.

**Seksyen baru 375B**

19. Kanun dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 375A seksyen yang berikut:

**“Gang rape**

**375B.** Whoever commits gang rape shall be punished with imprisonment for a term of not less than ten years and not more than thirty years.

*Explanation* – Where a woman is raped by one or more in a group of persons acting in furtherance of their common intention, each of the persons shall be deemed to have committed gang rape within the meaning of this section.”.

**Pindaan seksyen 376**

**20.** Kanun dipinda dalam subseksyen 376(2)—

- (a) dengan memotong perkataan “or” di akhir perenggan (f);
- (b) dengan menggantikan koma di akhir perenggan (g) dengan koma bernoktah;
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (g) perenggan yang berikut:
  - “(h) when by reason or on occasion of the rape, the woman becomes insane;
  - (i) when he knows that he is afflicted with the Human Immuno-Deficiency Virus (HIV)/Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS) or any other sexually transmissible disease and the virus or disease is or may be transmitted to the woman;
  - (j) when by reason or on occasion of the rape, the woman commits suicide; or
  - (k) when he knew of the mental disability, emotional disorder or physical handicap of the woman at the time of the commission of the crime,”; dan
- (d) dengan menggantikan perkataan “five years” dengan perkataan “ten years”.

**Pindaan seksyen 376B**

**21.** Kanun dipinda dalam subseksyen 376B(1) dengan menggantikan perkataan “not less than six years and not more than twenty years” dengan perkataan “not less than ten years and not more than thirty years”.

**Pindaan seksyen 377CA**

**22.** Kanun dipinda dalam seksyen 377CA dengan menggantikan perkataan “which may extend to twenty years” dengan perkataan “of not less than five years and not more than thirty years”.

**Pindaan seksyen 377E**

23. Kanun dipinda dalam seksyen 377E dengan menggantikan perkataan “which may extend to five years” dengan perkataan “of not less than three years and not more than fifteen years”.

**Seksyen baru 411A**

24. Kanun dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 411 seksyen yang berikut:

**“Receiving benefit derived from criminal activities of organized criminal group**

**411A.** (1) Whoever receives from an organized criminal group a benefit that is derived from the criminal activities of the organized criminal group shall be punished with imprisonment for a term which may extend to six years if the person—

- (a) knows that it is an organized criminal group; and
- (b) knows or is reckless as to whether the benefit is derived from criminal activities of the organized criminal group.

(2) For the purpose of this section, a benefit derived from the criminal activities of an organized criminal group is a benefit derived or realized or substantially derived or realized directly or indirectly from criminal activities of an organized criminal group.”.

**Pindaan seksyen 426**

25. Kanun dipinda dalam seksyen 426 dengan menggantikan perkataan “three months” dengan perkataan “five years”.

**Pindaan seksyen 427**

26. Kanun dipinda dalam seksyen 427 dengan menggantikan perkataan “which may extend to two years” dengan perkataan “of not less than one year and not more than five years”.

**Pindaan seksyen 428**

27. Kanun dipinda dalam seksyen 428—

- (a) dengan memotong perkataan “of the value of five ringgit or upwards”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “two years” dengan perkataan “three years”.

**Pemotongan seksyen 429**

28. Kanun dipinda dengan memotong seksyen 429.

**Pindaan seksyen 430**

29. Kanun dipinda dalam seksyen 430 dengan menggantikan perkataan “which may extend to five years” dengan perkataan “of not less than five years and not more than thirty years”.

**Pindaan seksyen 430A**

30. Kanun dipinda dalam seksyen 430A—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “railway engine, train, *etc.*” dengan perkataan “any public transportation”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “or” yang terdapat sebelum perkataan “truck” dengan koma; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perkataan “truck” perkataan “or any form of public transportation”.

**Pindaan seksyen 435**

**31.** Kanun dipinda dalam seksyen 435 dengan menggantikan perkataan “seven years” dengan perkataan “fourteen years”.

**Pindaan seksyen 436**

**32.** Kanun dipinda dalam seksyen 436 dengan memasukkan selepas perkataan “custody of property” perkataan “or any government facility”.

**Seksyen baru 440A**

**33.** Kanun dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 440 seksyen yang berikut:

**“Vandalism**

**440A.** Whoever without the written authority of the Government or of any statutory body in the case of public property, or without the written consent of the owner or occupier in the case of private property—

- (a) writes, draws, sprays, paints, marks, scribbles, scratches or inscribes on any public property or private property any word, slogan, caricature, drawing, mark, symbol or other thing;
- (b) affixes, posts-up, exhibits or displays on any public property or private property any poster, placard, advertisement, bill, notice, paper or other document; or
- (c) hangs, fastens, suspends, hoists, affixes, exhibits or displays on or from any public property or private property any flag, bunting, standard, banner or the like with any word, slogan, caricature, drawing, mark, symbol or other thing,

commits “vandalism” and shall be punished with imprisonment for a term which may extend to three years.”.

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Kanun Keseksaan (“Akta 574”). Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk memperkukuh Kanun Keseksaan dengan kesalahan baru yang didasarkan pada kumpulan jenayah terancang. Pindaan selari juga dibuat kepada Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [Akta 747] untuk memasukkan Bab VI<sub>B</sub> Akta 574 yang berhubungan dengan jenayah terancang sebagai kesalahan keselamatan. Bab VI dan VI<sub>A</sub> Akta 574 juga dipinda untuk memasukkan kesalahan baru. Pindaan itu juga mengambil kira kesalahan seksual dan perbuatan keganasan oleh pasangan. Pindaan lain adalah berkaitan dengan penalti yang berhubungan dengan kesalahan khianat (*mischief*) dan kesalahan baru mengenai vandalisme.

2. *Fasal 1* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 52<sub>A</sub> dan 52<sub>B</sub> ke dalam Akta 574. Seksyen 52<sub>A</sub> mentakrifkan ungkapan “kesalahan tidak berat” sebagai suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan bagi tempoh tidak lebih daripada sepuluh tahun sementara seksyen 52<sub>B</sub> memindahkan takrif sedia ada “kesalahan berat” dari seksyen 130<sub>U</sub> Akta 574.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 75<sub>A</sub> ke dalam Akta 574 untuk mengadakan peruntukan bagi pemenjaraan mandatori tidak kurang daripada dua kali ganda tempoh yang lebih panjang yang dikenakan terdahulu bagi pesalah berulang yang melakukan kesalahan berat.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 107 Akta 574 untuk memasukkan huraian dan misalan baru berhubungan dengan seseorang yang mendalangi sesuatu kesalahan.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 121<sub>E</sub> ke dalam Bab VI Akta 574 untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan spesifik berhubung dengan penggunaan tak wajar lambang kebangsaan dan bendera negara asing.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 130<sub>QA</sub> ke dalam Bab VI<sub>A</sub> Akta 574 bagi mengadakan peruntukan bagi kesalahan baru menerima suapan untuk memudahkan atau membolehkan perbuatan keganasan.

8. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 130<sub>V</sub> Akta 574 dengan menaikkan hukuman daripada maksimum lima tahun penjara kepada dua puluh tahun penjara dan memasukkan peruntukan anggapan berhubung dengan seksyen itu.

9. *Fasal 9* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 130<sub>X</sub>, 130<sub>Y</sub>, 130<sub>Z</sub>, 130<sub>ZA</sub>, 130<sub>ZB</sub> dan 130<sub>ZC</sub> ke dalam Bab VI<sub>B</sub> Akta 574 untuk mewujudkan kesalahan tambahan seperti melindungi, bergaul, merekrut atau mengambil bahagian dalam kumpulan jenayah terancang serta menerima suapan untuk memudahkan atau membolehkan aktiviti jenayah terancang.

10. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 176 Akta 574 untuk menaikkan penalti jika ia berkaitan dengan kesalahan di bawah Bab VI<sub>B</sub> kepada pemenjaraan bagi tempoh sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya.

11. *Fasal 11* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 203A ke dalam Akta 574 yang memperuntukkan bagi suatu kesalahan baru iaitu mendedahkan maklumat yang membawa penalti denda tidak lebih daripada satu juta ringgit atau pemenjaraan bagi tempoh sehingga satu tahun atau kedua-duanya.
12. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 223 Akta 574 untuk mengadakan peruntukan bagi penalti berganda sekiranya kesalahan dilakukan untuk memudahkan atau membolehkan apa-apa perbuatan keganasan atau aktiviti jenayah terancang.
13. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda perenggan 320(h) Akta 574 untuk menurunkan batas dua puluh hari yang ditetapkan bagi menentukan kecederaan parah kepada sepuluh hari.
14. *Fasal 15* dan *16* bertujuan untuk meminda masing-masing seksyen 324 dan 326 Akta 574 untuk memasukkan kecederaan yang disebabkan oleh penggunaan senjata terjadual yang ditetapkan di bawah Akta Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 [*Akta 357*] sebagai kesalahan di bawah seksyen itu dan meningkatkan penalti di bawah seksyen 324 daripada tiga tahun kepada sepuluh tahun.
15. *Fasal 17* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 326A ke dalam Akta 574 yang memperuntukkan bagi hukuman bagi pasangan yang menyebabkan kecederaan sementara *fasal 18* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 352A ke dalam Akta 574 yang memperuntukkan bagi hukuman bagi penggunaan kekerasan jenayah oleh pasangan.
16. *Fasal 19* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 375B ke dalam Akta 574 yang memperuntukkan bagi kesalahan baru rogol secara berkumpulan yang membawa hukuman pemenjaraan tidak kurang daripada sepuluh tahun dan tidak lebih daripada tiga puluh tahun.
17. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda subseksyen 376(2) Akta 574 dengan memasukkan hal keadaan yang memberatkan yang baru berhubung dengan hukuman bagi rogol dan juga dengan menaikkan hukuman minimum daripada lima tahun kepada sepuluh tahun.
18. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda seksyen 376B Akta 574 untuk menaikkan hukuman bagi sumbang mahram daripada tempoh pemenjaraan tidak kurang daripada enam tahun dan tidak lebih daripada dua puluh tahun kepada tidak kurang daripada sepuluh tahun dan tidak lebih daripada tiga puluh tahun.
19. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda seksyen 377CA Akta 574 untuk menaikkan hukuman bagi rogol yang menggunakan apa-apa objek daripada tempoh pemenjaraan sehingga dua puluh tahun kepada tidak kurang daripada lima tahun dan tidak lebih daripada tiga puluh tahun.
20. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda seksyen 377E Akta 574 untuk menaikkan hukuman bagi menghasut kanak-kanak untuk melakukan perbuatan kelucahan yang melampau daripada tempoh pemenjaraan sehingga lima tahun kepada tidak kurang daripada tiga tahun dan tidak lebih daripada lima belas tahun.

21. *Fasal 24* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 411A ke dalam Akta 574 yang memperuntukkan bagi kesalahan baru menerima faedah yang diperoleh daripada aktiviti jenayah kumpulan jenayah terancang yang membawa penalti pemenjaraan bagi tempoh sehingga enam tahun.

22. *Fasal 25, 26, 27, 29 dan 31* bertujuan untuk meminda masing-masing seksyen 426, 427, 428, 430 dan 435 Akta 574 untuk menaikkan penalti bagi khianat. *Fasal 28* bertujuan untuk memotong seksyen 429. *Fasal 30* dan *32* bertujuan untuk meminda masing-masing seksyen 430A dan 436 untuk memperluas skop kedua-dua seksyen itu untuk memperkatakan pengangkutan awam dan kemudahan kerajaan secara amnya.

23. *Fasal 33* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 440A ke dalam Akta 574 yang memperuntukkan bagi kesalahan baru vandalisme yang membawa penalti pemenjaraan bagi tempoh sehingga tiga tahun.

24. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini adalah pindaan kecil atau berbangkit.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan pada masa ini.

[PN(U2)2903B/K]